

CUEPACS ucap tahniah sempena ulang tahun

Dr. Mahathir

OM 21 DEC 2001

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena hari jadi beliau yang ke-76 pada hari ini.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan berkata, CUEPACS begitu bangga dengan pencapaian cemerlang Dr. Mahathir walaupun dalam keadaan usia yang meningkat tetapi masih memimpin negara dengan begitu dinamik, mantap dan dihormati oleh negara luar.

"Rakyat dan pemimpin pelapis negara ini perlu mempelajari dan mengikuti contoh Perdana Menteri yang sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang cabaran dan rintangan daripada dalam dan luar negara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, Abdul Rahman memberitahu, Dr. Mahathir juga sentiasa membuka ruang perbincangan dengan pemimpin-pemimpin CUEPACS bagi membincangkan kepentingan kakitangan awam di seluruh negara.

Menurutnya, sempena dengan genap usia 76 tahun Perdana Menteri, CUEPACS dan seluruh kakitangan awam mendoakan supaya Dr. Mahathir berada dalam keadaan sihat untuk terus memimpin negara dan mencapai Wawasan 2020.